



**TEKS UCAPAN**

**YANG MULIA  
AWANG HAJI ADNAN BIN HAJI ADAM  
PEMANGKU PEGAWAI DAERAH TUTONG**

**SELAKU TETAMU KEHORMAT**

**DI MAJLIS PERASMIAN BENGKEL JURUACARA MAJLIS  
PERINGKAT DAERAH TUTONG  
ANJURAN RADIO TELEVISION BRUNEI**

**PADA:**

**HARI RABU, 1 JAMADILAWAL 1437  
BERSAMAAN 10 FEBRUARI 2016**

**JAM:**

**8.30 PAGI**

**BERTEMPAT DI:**

**STESEN RADIO TELEVISION BRUNEI  
CAWANGAN TUTONG**

(F)

FILE: UCAPAN DO

10/2/2016

2/159

M

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'ala  
Asyrafil Ambiaa Iwal-Mursalin, Sayyidina Wa Maulana  
Muhammadin Wa-a'ala Aalihi Wa-Sahbihi Ajma'een.**

Yang Berhormat

Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking

Yang Berhormat

Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad  
Taha bin Abd Rauf  
Penghulu Mukim Keriam

Yang Berhormat

Awang Haji Ramli bin Lahit  
Penghulu Mukim Telisai

Yang Mulia

Awang Haji Med Ali bin Haji Jamuddin  
Pengurus Stesen Radio Televisyen Brunei  
Cawangan Daerah Tutong  
Selaku Pengerusi Majlis

Yang Mulia

Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu

Pengarah Radio Televisyen Brunei

Yang Mulia

Awang Koh Thian Chan

Wakil Pengarah Radio Televisyen Brunei

Yang Mulia

Dayang Salmah binti Haji Awang Hussin

Ketua Latihan dan Perkembangan Radio Televisyen Brunei

Pegawai-Pegawai Kanan Radio Televisyen Brunei:

Yang Mulia

Awang Haji Ali bin Haji Aji

Yang Mulia

Awang Haji Hasnan bin Suhaili

Yang Mulia

Awang Harun Al-Rashid bin Moslam

Para Jemputan Khas

Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan

Para Peserta Bengkel

serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

***Alhamdulillah***, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berkumpul beramai-ramai di Majlis Perasmian Bengkel Juruacara Majlis anjuran Radio Televisyen Brunei yang diadakan pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Radio Televisyen Brunei diatas kesudian menjemput saya hadir selaku Tetamu Kehormat untuk merasmikan Bengkel Juruacara Majlis selama tiga (3) hari yang bermula pada pagi ini.

Saya merasa berbesar hati dapat hadir bersama-sama biskita pagi ini pada Majlis Perasmian Bengkel Juruacara Majlis bagi pegawai/kakitangan di Daerah Tutong.

Sukacita saya mengucapkan tahniah kepada pihak Radio Television Brunei kerana berjaya mengungkapahkan Bengkel Juruacara Majlis bagi pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan di Daerah Tutong. Saya mengambil maklum bahawa bengkel ini juga telah diadakan bagi pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan di Daerah Temburong pada tahun lepas.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

Saya berpendapat permintaan dan keperluan untuk mengendalikan Kursus Juruacara Majlis ini adalah sangat tinggi dan diperlukan serta memang sangat bersesuaian diadakan bagi pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan di Daerah Tutong. Ini kerana kesempurnaan dan kelancaran sesuatu majlis itu sedikit sebanyak bergantung kepada kecekapan juruacara majlis atau *Master of Ceremony*. Dalam kata lain, juruacara memainkan peranan penting dalam mengendalikan acara-acara rasmi negara, jabatan dan sebagainya.

Bengkel Juruacara Majlis ini yang bakal memberikan biskita pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang berguna untuk biskita yang terlibat sama dalam bidang kejuru-acaraan bagi majlis rasmi dan tidak rasmi.

Saya difahamkan pengendalian bengkel ini adalah bersifat *informal* dan hampir semua maklumat-maklumat yang dikongsikan atau yang disampaikan kepada biskita dalam tempoh lebih kurang tiga hari ini adalah berdasarkan pengalaman pegawai sumber tempatan (pegawai-pegawai RTB) yang banyak terlibat dalam menjadi Juruacara Majlis atau *Master of Ceremony* samada acara-acara yang dianjurkan didalam atau luar jabatan maupun acara-acara diperingkat kementerian dan kenegaraan. Disamping itu, dari segi protokol, sebutan nama, penggunaan bahasa yang manis dan sesuai dan sebagainya juga sangat penting diketahui oleh juruacara majlis.

Diwaktu yang sama pengendalian bengkel ini adalah bersifat 'localise' mengikut protokol kitani yang ada supaya apa jua yang biskita perolehi dari bengkel ini akan menjadi panduan disamping sebagai nilai tambah (*value add*) kepada pengetahuan dan kemahiran yang biskita sudah ada atau pelajari.

Saya juga dimaklumkan bahawa metodologi dan pendekatan bengkel ini juga diolah sebegitu rupa dimana biskita akan didedahkan terlebih dahulu dengan peranan tugas dan tanggungjawab Juruacara Majlis (*Master of Ceremony*) secara keseluruhannya dan seterusnya disusuli dengan latihan amali dimana biskita diberikan peluang mencuba sendiri untuk menjadi Juruacara dihadapan rakan-rakan biskita yang ada didalam bilik latihan ini berpandukan skrip yang biskita akan sediakan nanti mengikut jenis-jenis acara yang tertentu.

Saya merasa gembira dan berbesar hati diatas inisiatif pihak RTB untuk mengadakan Bengkel Juruacara Majlis ini bagi pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan termasuk penyiar-penyiar RTB yang ada di Daerah Tutong.

Mudah-mudahan dengan perkongsian maklumat dan latihan amali itu nanti akan memberikan biskita sedikit gambaran untuk menjadi Juruacara Majlis dan kepentingan juruacara dalam satu-satu majlis yang bakal biskita kendalikan nanti. Sebab itu bengkel ini penting untuk biskita ikuti dimana *knowledge* dan '*experience base*' khususnya dalam bidang kejuru-acaraan ini perlu didedahkan dan diampit-ampiti kepada biskita yang memerlukannya.

Adalah menjadi hasrat Jabatan Daerah Tutong dan RTB khasnya untuk melihat biskita yang menghadiri bengkel ini akan dapat menjadi Juruacara bagi mengendalikan majlis-majlis diperingkat jabatan biskita masing-masing dan dapat dikongsikan kepada rakan sekerja biskita.

Diwaktu yang sama, saya percaya RTB akan sentiasa mengalu-alukan khidmat nasihat jika sekiranya ada persoalan-persoalan yang memerlukan bantuan RTB khususnya dalam bidang yang dimaksudkan. Saya juga berharap aktiviti latihan seumpama ini akan diadakan secara berterusan oleh pihak RTB dimasa-masa akan datang.

Semoga biskita beroleh ilmu yang bermanfaat dan berguna walaupun sedikit untuk bekalan biskita mengendalikan acara-acara di jabatan biskita masing-masing.

Dikesempatan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Radio Television Brunei diatas pengendalian bengkel ini di Daerah Tutong dan terima kasih juga kepada pegawai-pegawai sumber dan penyelaras bengkel dari RTB dalam menjayakan bengkel yang bermanfaat ini.

Sekian diucapkan terima kasih. Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.